



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN DAN PELAKSANAAN KURSUS
LATIHAN PENGENDALI MAKANAN (LPM) SECARA DALAM TALIAN
(ON-LINE) OLEH SEKOLAH LATIHAN PENGENDALI MAKANAN
(SLPM)**

**VERSI 2.0
JANUARI 2021**

ISI KANDUNGAN

1.	Pendahuluan	3
2.	Objektif	3
3.	Latihan Dalam Talian (<i>on-line</i>)	3
4.	Syarat-syarat Permohonan	4-5
5.	Keperluan Latihan Dalam Talian (<i>on-line</i>)	6
6.	Pematuhan Terma dan Syarat,	7
7.	Penutup	7
8.	Rujukan	7
9.	<i>Lampiran 1 : Senarai dokumen permohonan</i>	8
10.	<i>Annex A : Tatacara latihan online</i>	9
11.	<i>Lampiran 2 : Format sijil</i>	10

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini sebagai panduan kepada Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) untuk memohon dan melaksanakan kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM) secara dalam talian (*on-line*).

2. OBJEKTIF

- 2.1 Memastikan SLPM dan Tenaga Pengajar memahami keperluan permohonan dan LPM secara dalam talian (*on-line*);
- 2.2 Memastikan pelaksanaan LPM dilaksanakan secara berterusan dan berkesan; serta
- 2.3 Memastikan pemantauan latihan dapat dijalankan walaupun secara dalam talian.

3. LATIHAN DALAM TALIAN (*ON-LINE*)

- 3.1 Merupakan *platform* Pendidikan Jarak Jauh secara maya menggunakan kaedah teknologi maklumat dalam suatu proses pembelajaran yang tidak memerlukan kehadiran peserta secara fizikal di dalam kelas.

Bilik darjah maya (*virtual classroom*) adalah program di dalam talian di mana pelatih melakukan latihan menggunakan gabungan bahan mengajar seperti slaid *Power Point*, bahan audio atau video.

Contoh aplikasi persidangan video:

- a. *Zoom Meeting*
- b. *Microsoft Teams*
- c. *Google Meet*
- d. *Cisco Webex Meetings*
dan sebagainya.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

4.1 Pengurusan SLPM

- a. SLPM dan Tenaga Pengajar yang masih sah tempoh akreditasi sahaja boleh memohon;
- b. SLPM perlu mengemukakan :
 - i) Permohonan kepada Ibu Pejabat Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (IPBKKM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menjalankan kursus secara dalam talian. Senarai dokumen dokumen seperti di **Lampiran 1**; dan
 - ii) Jadual perancangan latihan setiap bulan kepada Jabatan Kesihatan Negeri (JKN).
- e. SLPM yang telah mendapat kelulusan akan disenaraikan di dalam laman sesawang (<http://fsq.moh.gov.my>); dan
- f. SLPM perlu mematuhi syarat-syarat ditetapkan di dalam garis panduan ini dan juga Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan.

4.2 Yuran Kursus

- a. Bayaran bagi setiap sesi kursus LPM untuk seorang peserta adalah RM50.00; dan
- b. Sekiranya terdapat lain-lain bayaran tambahan yang dikenakan, maka perlu dinyatakan secara berasingan daripada yuran kursus LPM.

4.3 Sesi Kursus LPM Dalam Talian (*on-line*)

- a. Tempoh masa pengajaran dan pembelajaran kursus adalah **tidak kurang daripada tiga (3) jam** dan tidak termasuk waktu persediaan capaian sistem internet atau rehat;
- b. Bilangan peserta tidak melebihi **dua puluh (20)** orang bagi setiap sesi;
- c. SLPM perlu mendaftarkan maklumat perancangan kursus melalui sistem *FOSIM*, KKM selewat-lewatnya setiap (5) haribulan sebelum bulan kursus diadakan;
- d. SLPM perlu memaklumkan kepada JKN sekiranya terdapat perubahan maklumat kursus sekurang-kurangnya dalam tempoh dua belas (12) jam sebelum kursus LPM dalam talian (*on-line*) dijalankan;
- e. SLPM perlu memberikan maklumat peserta dan tenaga pengajar kepada pegawai JKN sebelum kursus dijalankan;

- f. Sijil Latihan Pengendali Makanan tidak boleh diberikan kepada peserta yang tidak cukup tiga (3) jam latihan termasuk kuiz, Pra dan Pos;
- g. Sijil Latihan Pengendali Makanan juga tidak boleh diberikan kepada peserta yang tidak memberi tumpuan semasa sesi latihan seperti tidur, menaiki kereta, sambil bekerja, kerap keluar dari skrin, menutup kamera sepanjang latihan dan lain-lain gangguan sesi latihan;
- h. Sekiranya terdapat masalah capaian sistem internet peserta, Tenaga Pengajar perlu menambah masa latihan sehingga selesai semua modul LPM;
- i. Tenaga Pengajar perlu memastikan semua peserta bersedia sebelum kursus dimulakan dan memberi tumpuan sepanjang sesi latihan;
- j. Tenaga Pengajar perlu mengadakan ujian Pra sebelum kursus bermula;
- k. Tenaga Pengajar perlu menjalankan ujian pendek atau kuiz selepas setiap topik pembelajaran dijalankan bagi memastikan kefahaman peserta;
- l. Tenaga Pengajar perlu mengadakan ujian Pos selepas tamat kursus;
- m. Markah ujian Pra, Pos dan kuiz perlu diberikan kepada pegawai JKN selepas selesai kursus;
- n. Pegawai JKN akan menganalisa ujian pra, pos dan kuiz. Laporan akan diberikan kepada ibu pejabat; dan
- o. SLPM perlu mendaftarkan maklumat peserta kursus di dalam sistem *FOSIM* dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tamat kursus.

4.4 Sijil Kehadiran Kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM)

- a. Mengikut format yang ditetapkan dalam garis panduan ini seperti **Lampiran 2**;
- b. Ditandatangani secara manual oleh Tenaga Pengajar yang mengendalikan kursus;
- c. Sijil diberikan kepada peserta selewat-lewatnya (3) hari selepas kursus selesai dijalankan; dan
- d. Salinan sijil yang telah ditandatangani boleh diberikan kepada peserta selepas kursus.

5. KEPERLUAN SESI LATIHAN PENGENDALI MAKANAN DALAM TALIAN (*ON-LINE*)

5.1 Bagi memastikan pelaksanaan LPM dalam talian (*on-line*) dilaksanakan dengan berkesan, SLPM perlu memastikan aplikasi dan platform seperti berikut :

- a. Menggunakan aplikasi atau platform yang berlesen;
- b. Memastikan aplikasi dan platform yang digunakan dapat menyokong tempoh kursus selama tiga (3) jam tanpa gangguan talian;
- c. Peserta tidak dibenarkan berkongsi alat peranti (telefon bimbit atau komputer/komputer riba) semasa mengikuti kursus LPM.
- d. Tenaga Pengajar perlu memperbagaikan kaedah pengajaran dan mengamalkan komunikasi secara dua hala;
- e. SLPM perlu menyediakan nota secara *soft copy* / digital kepada peserta dan diberikan sebelum kursus dijalankan.
- f. Dapat merakam peserta dengan jelas serta dapat mengeluarkan laporan;
- g. Memastikan akses internet adalah stabil sebelum latihan dijalankan. Sehubungan dengan itu, SLPM perlu menjalankan ujian audio dan video peserta sebelum kelas dimulakan atau memberikan tempoh masa secukupnya sebelum kelas dimulakan untuk memastikan audio dan paparan video peserta berada dalam keadaan baik;
- h. SLPM perlu menyediakan borang maklumbalas kepuasan kepada peserta bagi pelaksanaan secara dalam talian;
- i. Video rakaman perlu disimpan selama **tiga (3) tahun**. Rekod rakaman perlu dijilid dan diberikan kepada pegawai KKM sekiranya diminta; dan
- j. SLPM perlu menyediakan seorang pembantu jika peserta dalam talian (*on-line*) melebihi 15 orang bagi memantau sesi latihan dan memastikan peserta berada dihadapan skrin sepenuhnya sepanjang sesi berlangsung.
- k. SLPM perlu menggunakan "*google form*" bagi memudahkan pemantauan dan rekod kuiz, Ujian Pra dan Pos.

6. PEMATUHAN TERMA DAN SYARAT PELAKSANAAN LATIHAN LPM DALAM TALIAN (*ON-LINE*)

- 6.1. SLPM dan Tenaga Pengajar perlu mematuhi semua garis panduan ini dan Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan yang ditetapkan;
- 6.2. Pegawai di IPBKKM, JKN atau PKD boleh menghentikan kursus LPM pada bila-bila masa sekiranya perlu apabila mendapati SLPM atau Tenaga Pengajar melakukan pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan;
- 6.3. Sekiranya SLPM atau Tenaga Pengajar tidak mematuhi garis panduan ditetapkan teguran secara bertulis akan dikeluarkan oleh pihak JKN;
- 6.4. Tindakan pembatalan kebenaran menjalankan kursus LPM dalam talian (*on-line*) akan dibuat selepas satu amaran bertulis dikeluarkan oleh IPBKKM dan SLPM disenarai hitam untuk melaksanakan LPM dalam talian (*on-line*).

7. PENUTUP

Segala kandungan dalam Garis Panduan Permohonan dan Pelaksanaan Sesi LPM Secara Dalam Talian (*On-Line*) oleh SLPM perlu dilaksanakan bersama-sama Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan (LPM)

8. RUJUKAN

1. Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan (LPM) Edisi Kelima Cetakan 2019.
2. *Guidelien For Online Learning version 2.0 1 July 2020.*

LAMPIRAN 1

Senarai Dokumen Permohonan Pelaksanaan Latihan Pengendali Makanan (LPM) Secara Dalam Talian (*on-line*)

		Disertakan
1.	Surat permohonan	<input type="checkbox"/>
2.	Sijil SLPM dan Tenaga Pengajar Yang Masih Sah Laku	<input type="checkbox"/>
3.	Lesen aplikasi atau platform yang digunakan	<input type="checkbox"/>
4.	Borang penilaian kursus (dalam bentuk " <i>google form</i> ")	<input type="checkbox"/>
5.	Pelan Pengajaran merangkumi :-	<input type="checkbox"/>
	a. Aplikasi yang digunakan;	<input type="checkbox"/>
	b. Taklimat tatacara kursus LPM dalam talian (<i>rujuk contoh di Annex A</i>);	<input type="checkbox"/>
	c. Kaedah Pengajaran;	<input type="checkbox"/>
	d. Ujian pra, pos dan kuiz dalam bentuk " <i>google form</i> "; <i>dan</i>	<input type="checkbox"/>
	e. Kaedah penyerahan sijil.	<input type="checkbox"/>


Annex A

CONTOH TATACARA LATIHAN PENGENDALI MAKANAN (LPM) SECARA DALAM TALIAN (*ON-LINE*)

- i. Menggunakan nama sebenar bagi memudahkan proses pengenalan.
- ii. Tidak berkongsi pautan (link) dan kata laluan kursus kepada pihak lain.
- iii. Peserta tidak dibenarkan membuat rakaman dan/atau berkongsi rakaman tersebut dengan pihak lain
- iv. Peserta perlu memastikan menggunakan telefon bimbit atau komputer/komputer riba yang mempunyai kemudahan audio dan video.
- v. Pastikan kamera tuan/puan dalam keadaan *on* sepanjang kursus berlangsung.
- vi. Pastikan mikrofon tuan/puan dalam keadaan *mute* dan hanya *unmute* apabila hendak bercakap.
- vii. Pastikan semua *sound notification* tuan/puan ditutup (cth *wassup*, *SMS* dan sebagainya) dan pastikan tuan/puan tidak berada ditempat yang bising kerana akan menjejaskan pembelajaran.
- viii. Pastikan tuan/puan mempunyai data atau internet yang stabil sepanjang 3 jam kursus berlangsung.
- ix. Pastikan tuan/puan sentiasa fokus sepanjang kursus berlangsung.
- x. Sijil tidak akan diberikan sekiranya tuan/puan tidak menghabiskan semua modul termasuk ujian *Pra*, *Post* dan kuiz yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.

LAMPIRAN 2

Rajah Format Sijil Kehadiran Kursus Latihan Pengendali Makanan Secara Dalam Talian (*On-Line*)

A/X/0000 - AA/BB/CCCC	LPM 000000
	
NAMA SEKOLAH LATIHAN PENGENDALI MAKANAN (Cawangan SLPM)	
Sekolah Latihan Pengendali Makanan Yang Diiktiraf Oleh	
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	
SIJIL KEHADIRAN	
Dengan ini disahkan bahawa	
NAMA PESERTA (No. Kad Pengenalan / No. Passport)	
Telah menghadiri dengan jayanya	
KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN	
Pada	
TARIKH	
Bertempat di	
LATIHAN SECARA DALAM TALIAN (<i>ON-LINE</i>)	
COP LOGO / NAMA & ALAMAT SLPM	Tandatangan Tenaga Pengajar :
	Nama Tenaga Pengajar :
	No. Sijil Tenaga Pengajar :

Jika SLPM Cawangan yang mengeluarkan sijil.
Contoh : Cawangan Kota Bharu, Kelantan